



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PERSEPSI ORANG AWAM DAN PROFESIONAL TERHADAP
IMEJ VISUAL REKA BENTUK BANDAR ISLAMIK
DI PUTRAJAYA, MALAYSIA***

FAZLENA BINTI ABD. RAHIM

FRSB 2018 7



**PERSEPSI ORANG AWAM DAN PROFESIONAL TERHADAP
IMEJ VISUAL REKA BENTUK BANDAR ISLAMIK
DI PUTRAJAYA, MALAYSIA**

Oleh

FAZLENA BINTI ABD. RAHIM

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah
Master Sains

Februari 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni yang lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia melainkan dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan bahan komersil hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis, terlebih dahulu, daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Master of Science

PUBLIC'S AND PROFESSIONAL'S PERCEPTIONS ON ISLAMIC URBAN DESIGN VISUAL IMAGE IN PUTRAJAYA, MALAYSIA

By

FAZLENA BINTI ABD. RAHIM

February 2018

Chairman : Associate Professor Norsidah Binti Ujang, PhD
Faculty : Design and Architecture

This study focuses on the aspects of visual image of identity and structure of the Islamic urban design in Putrajaya. The lack of understanding on the principles of Islamic built environment has led to the illegible urban structure, identity and aesthetic value of urban design. Consequently, urban users could not enjoy the harmony and aesthetic of the urban design visual image. This study focuses on the perception of urban space users in Putrajaya, uses a mixed of qualitative and quantitative methodology. A questionnaire survey conducted on about 500 peoples in Putrajaya to identify the Islamic urban design's identity, the legibility of urban structure and the urban design's characteristics which they preferred. The photo base interviews conducted on about 100 professionals in built environment field to evaluate the same aspects except the legibility of urban structure elements. Field observation is also conducted to understand the exact nature of the study area and elements. The finding indicates that the aesthetic value of the urban design visual image of the Putrajaya has a high aesthetic value. However, the modern style that dominates its urban design, a mixture and diversity of identity and lack of culture identity creates illegible identity. The most distinct and legible element of Putrajaya is its landmark buildings. The identity of urban design that most preferred by them was traditional Malay while the integration of traditional Nusantara with Islamic principles was most preferred by the professionals to be highlighted. Islamic buildings and public spaces which most attracted by the community are those which have the legibility of identity and structure, unique, provide facilities and aesthetic value. The findings of this study can benefit in strengthening the visual image of the Islamic city in Putrajaya with authentic identity and a legible image that will increase the attraction to the city users.

Keywords: visual image, identity, urban structure, legibility, Islamic urban design, preference, Putrajaya

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PERSEPSI ORANG AWAM DAN PROFESIONAL TERHADAP IMEJ VISUAL REKA BENTUK BANDAR ISLAMIK DI PUTRAJAYA,
MALAYSIA**

Oleh

FAZLENA BINTI ABD. RAHIM

Februari 2018

Pengerusi : Prof. Madya Norsidah Binti Ujang, PhD
Fakulti : Rekabentuk dan Senibina

Kajian ini memfokus kepada aspek imej visual identiti dan struktur bandar berciri Islamik di Putrajaya. Kurangnya kefahaman mengenai prinsip alam bina Islamik telah melemahkan imej visual struktur bandar, identiti dan nilai estetik reka bentuk bandar. Akibatnya, pengguna bandar tidak dapat menikmati keharmonian dan keindahan imej visual reka bentuk bandar. Kajian ini mengenal pasti persepsi pengguna ruang bandar Putrajaya, menggunakan kaedah campuran kuantitatif dan kualitatif. Kajian soal selidik terhadap lebih kurang 500 orang awam telah dijalankan untuk mengenal pasti imej visual identiti, struktur bandar berciri Islamik dan ciri reka bentuk bandar yang menjadi keutamaan mereka. Temu bual bergambar terhadap lebih kurang 100 orang profesional dalam bidang alam bina telah dijalankan untuk menilai aspek yang sama kecuali imej visual struktur bandar. Pemerhatian lapangan juga dijalankan untuk memahami keadaan sebenar kawasan dan elemen kajian. Hasil kajian mendapati, bandar Putrajaya mempunyai nilai estetik yang tinggi. Bagaimanapun, gaya moden yang mendominasi reka bentuk bandarnya, campuran kepelbagaiannya identiti dan kurangnya identiti budaya mewujudkan identiti yang kurang jelas. Elemen yang paling membezakan Putrajaya adalah bangunan mercu tandanya. Identiti reka bentuk bandar yang paling diutamakan orang awam adalah tradisional Melayu manakala gabungan tradisional Nusantara dengan prinsip Islamik menjadi pilihan utama profesional. Bangunan dan ruang awam berciri Islamik yang menjadi tarikan utama masyarakat adalah yang mempunyai identiti dan struktur yang jelas, unik, fasiliti dan bernilai estetik. Penemuan kajian ini boleh dimanfaatkan untuk memperkasakan imej visual bandar Islamik di Putrajaya yang tulen identitinya dan mudah difahami (*legible*) yang akan meningkatkan daya tarikan kepada pengguna bandar.

Kata kunci: imej visual, identiti, struktur bandar, kejelasan, reka bentuk bandar Islamik, keutamaan, Putrajaya

PENGHARGAAN



Selawat dan salam ke atas Rasulullah ﷺ. Dengan kekuatan yang diberikan oleh Allah ﷺ dan dengan kehendakNya, saya bersyukur dapat menyelesaikan tesis ini. Saya juga bersyukur kepada Allah ﷺ kerana antara sumber utama rujukan penyelidikan ini adalah Al Quran dan Hadis. Terima kasih juga kepada kajian penulis lain yang turut menyumbang sebagai bukti penciptaan prinsip alam bina Islamik. Kesemua sumber ini telah banyak mencerahkan ilmu yang berguna kepada saya. Semoga tesis ini memberi manfaat kepada pembaca.

Perkembangan tesis ini juga dapat dijayakan melalui penyampaian pengetahuan, kepakaran, panduan, bimbingan dan dorongan Prof. Madya Dr. Norsidah Ujang sebagai penyelia saya. Saya mengucapkan terima kasih yang mendalam atas nasihatnya yang ikhlas dan berharga, pemahaman dan kesabarannya dalam menyelesaikan masalah sehingga tesis ini selesai. Jutaan terima kasih juga kepada responden. Hubungan manusia dengan persekitaran alam bina juga dijadikan hujah dan bukti yang mempertimbangkan kaedah penyelidikan dalam bidang sains reka bentuk bandar. Ianya mustahil tanpa komitmen responden yang telah memberi kami bukan sahaja maklumat tetapi juga maklum balas dan cadangan mereka sendiri untuk penambah baikan imej bandar Putrajaya.

Ribuan terima kasih dan penghargaan juga kepada Dr. Mohamed Mohamed Tolba Said yang telah memberikan idea, inspirasi, komen, dorongan, menyumbangkan masa, motivasi termasuk mendisplinkan saya dalam penyelidikan ini. Begitu juga kepada kawan saya di Perbadanan Putrajaya (PPj), Nor Hasimah Samod, pekhidmat PPj, En. Hafidz Nasruddin (IT), En. Mohd Fadzil Hasim (IT), pensyarah dan pekhidmat bahagian pentadbiran di Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia: Dr. Mohd Yazid (Ahli Jawatankuasa), Prof. Madya Dr. Nangkula, Perpustakaan UPM, pemeriksa luar, Prof. Dr. Badaruddin (USM), termasuk JAKIM yang menghadiahkan saya dua buah buku bertajuk, ‘Ziarah Masjid di Malaysia’ dan ‘Masjid Putra, Antara Sejarah dan Kesenian’. Tanpa bantuan mereka, usaha untuk menghasilkan tesis ini tidak akan menjadi mudah.

Akhir sekali terima kasih khas saya kepada keluarga tersayang yang sentiasa mendorong, mendoakan dan menyumbang pelbagai cara untuk penyelidikan saya.

KELULUSAN

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 9 Februari 2018 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Fazlena Binti Abd. Rahim bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Persepsi Orang Awam dan Profesional Terhadap Imej Visual Reka Bentuk Bandar Islamik di Putrajaya, Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Nazlina binti Shaari, PhD

Profesor Madya

Fakulti Rekabentuk dan Senibina

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Nangkula Utaberta, PhD

Profesor Madya Ir.

Fakulti Rekabentuk dan Senibina

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Badaruddin Mohamed, PhD

Profesor Madya

Universiti Sains Malaysia

(Pemeriksa Luar)

NOR AINI AB. SHUKOR, PhD,

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26 April 2018

Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Norsidah Ujang, PhD

Profesor Madya

Fakulti Rekabentuk dan Senibina

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Mohd. Yazid Mohd. Yunos, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Rekabentuk dan Senibina

Universiti Putra Malaysia

(Ahli Jawatankuasa)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN Pelajar Siswazah

Saya dengan ini mengesahkan bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini belum diserahkan sebelum ini dan tidak diserahkan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan / fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

Nama dan No.Matrik : Fazlena Binti Abd. Rahim, GS42956

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: Norsidah Ujang

Tandatangan:

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Mohd. Yazid Mohd. Yunos

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRACT	i
ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	iii
KELULUSAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI CARTA	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvii
SENARAI NAMA SINGKATAN	xviii
 BAB	
1 PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.2.1 Ketidak Jelasan Prinsip Alam Bina Islamik, Mengurangkan Pembangunan Alam Bina Islamik	3
1.2.2 Integrasi Struktur Bandar Barat, Melemahkan Kualiti Visual Identiti dan Struktur Bandar Islamik	4
1.2.3 Campur Aduk Identiti, Menjejaskan Identiti Seni Bina Islamik	4
1.3 Matlamat Kajian	5
1.4 Soalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Andaian Kajian	6
1.7 Skop Dan Limitasi Kajian	6
1.8 Metodologi Kajian	7
1.9 Kepentingan Kajian	8
1.10 Struktur Tesis	9
2 SOROTAN KESUSASTERAAN	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Perancangan Bandar Islamik	11
2.2.1 Definisi dan Konsep	11
2.2.2 Bandar Tradisional Islamik	13
2.2.2.1 Sejarah Bandar Tradisional Islamik	13
2.2.2.2 Kaabah dan Masjidil Haram di Mekah	14
2.2.2.3 Bandar Tradisional Islamik di Kaherah	15
2.2.3 Bandar Moden Islamik	19
2.3 Seni Bina Islamik	20
2.3.1 Definisi dan Konsep	20
2.3.2 Prinsip Seni Bina Islam	21
2.3.3 Sejarah Perkembangan Seni Bina Islamik	22
2.3.4 Gaya Seni Bina Islamik Timur Tengah	23

2.4	Gaya Seni Bina di Malaysia	27
2.4.1	Seni Bina Sebelum Kedatangan Islam	26
2.4.1.1	Seni Bina Tradisional Hindu dan Budha	27
2.4.1.2	Seni Bina Tradisional Nusantara	28
2.4.1.3	Seni Bina Tradisional Barat	28
2.4.2	Seni Bina Selepas Kedatangan Islam	28
2.4.2.1	Seni Bina Moden	28
2.4.2.2	Gaya Seni Bina Moden	29
2.5	Taman Islamik	31
2.5.1	Definisi dan Konsep	31
2.5.2	Taman Tradisional Islamik	31
2.5.2.1	Sejarah Taman Tradisional Islamik	31
2.5.2.2	Prinsip dan Elemen Taman Islamik	32
2.5.2.3	Konsep Taman Islamik	35
2.5.3	Taman Islamik Moden	37
2.6	Persepsi Orang Awam	38
2.6.1	Definisi dan Kepentingan	38
2.7	Imej Visual	38
2.7.1	Definisi dan Kepentingan	38
2.8	Identiti Tempat	40
2.8.1	Definisi dan Konsep	40
2.9	Struktur Bandar	41
2.9.1	Definisi dan Konsep	41
2.9.2	Elemen Struktur Bandar	41
2.10	Kesimpulan	45
3	METODOLOGI PENYELIDIKAN	
3.1	Pengenalan	47
3.2	Kawasan Kajian	47
3.3	Metodologi Kajian	49
3.4	Reka Bentuk Penyelidikan	49
3.5	Metod Kajian	54
3.5.1	Prosedur Pengumpulan Data	54
3.5.2	Pemerhatian Lapangan	55
3.5.3	Temu Bual Menggunakan Gambar	60
3.5.4	Kajian Soal Selidik	64
3.6	Analisis Data	68
3.7	Kesahihan	70
3.8	Keboleh Percayaan	70
3.9	Kesimpulan	71
4	ANALISIS DAN PENEMUAN	
4.1	Pengenalan	72
4.2	Latar Belakang Responden	72
4.2.1	Penyertaan Orang Awam berdasarkan Kajian Soal Selidik	72

4.2.2	Penyertaan Profesional berdasarkan Temubual Bergambar	74
4.3	Ciri Reka Bentuk Bandar yang Menjadi Keutamaan di Putrajaya	76
4.3.1	Elemen Reka Bentuk Bandar Islamik	76
4.3.2	Identiti Reka Bentuk Bandar Putrajaya Yang Menjadi Keutamaan	79
4.4	Imej Visual Identiti Putrajaya	81
4.4.1	Imej Visual Persekutaran Putrajaya	81
4.4.2	Nilai dan Budaya Islam	83
4.4.3	Gaya Seni Bina dan Ruang Awam Putrajaya	85
4.4.4	Kejelasan Identiti Reka Bentuk Bandar Putrajaya	88
4.5	Imej Visual Struktur Bandar Putrajaya	89
4.5.1	Elemen Keunikan Putrajaya	89
4.5.2	Elemen Struktur Bandar Putrajaya	92
4.6	Bangunan Berciri Islamik di Putrajaya	100
4.6.1	Imej Visual Identiti Bangunan Berciri Islamik	100
4.6.2	Imej Visual Struktur Bangunan Berciri Islamik	104
4.6.3	Ciri Bangunan Islamik Yang Menjadi Keutamaan	106
4.7	Ruang Awam Berciri Islamik di Putrajaya	108
4.7.1	Imej Visual Identiti Ruang Awam Berciri Islamik	108
4.7.2	Imej Visual Struktur Ruang Awam Berciri Islamik	111
4.7.3	Ciri Ruang Awam Islamik Yang Menjadi Keutamaan	113
4.8	Kesimpulan	116
5	PERBINCANGAN	
5.1	Pengenalan	117
5.2	Ciri Reka Bentuk Bandar yang Mejadi Keutamaan di Putrajaya	117
5.3	Imej Visual Identiti dan Imej Visual Struktur Bandar Putrajaya	119
5.3.1	Imej Visual Identiti Putrajaya	119
5.3.2	Imej Visual Struktur Bandar Putrajaya	121
5.4	Bangunan dan Ruang Awam Islamik di Putrajaya	126
5.4.1	Bangunan Islamik	126
5.4.1.1	Imej Visual Identiti Bangunan Islamik	126
5.4.1.2	Imej Visual Struktur Bangunan Islamik	129
5.4.1.3	Ciri Bangunan Islamik yang Menjadi Keutamaan di Putrajaya	130
5.4.2	Ruang Awam Islamik	132
5.4.2.1	Imej Visual Identiti Ruang Awam Islamik	132
5.4.2.2	Imej Visual Struktur Ruang Awam Islamik	133
5.4.2.3	Ciri Ruang Awam Islamik yang Menjadi Keutamaan di Putrajaya	135

6	CADANGAN, SUMBANGAN DAN KESIMPULAN	
6.1	Pengenalan	136
6.2	Cadangan dan Penyelesaian Masalah	136
6.3	Cadangan Kajian Lanjut	138
6.4	Sumbangan Hasil Penyelidikan	139
6.5	Kesimpulan	141
	RUJUKAN	144
	BIODATA PELAJAR	244
	SENARAI PENERBITAN	245

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	5 Peringkat Utama Reka Bentuk Penyelidikan Kajian	53
3.2	Jadual Pengiraan De Vaus (1985)	66
3.3	Keputusan Ujian Keboleh Percayaan	70

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
2.1 Halaman Dan Air Pancut di Tengah Kompleks Masjid Sultan Hassan	16
2.2 Lorong kediaman di Kaherah	18
2.3 Bab Al Futuh, Kaherah	19
2.4 Masjid Amr Ibn Al As di Mesir	23
2.5 Masjid Ibnu Tulun, Mesir	24
2.6 Masjid Al Azhar, Kaherah, Mesir	24
2.7 Istana Salah El Din, Kaherah, Mesir dan Masjid Mohamed Ali Alabaster di dalam dinding istana	25
2.8 Masjid Al-Salih Tala'i, Kaherah	25
2.9 Masjid Imam, Isfahan, Iran	26
2.10 Masjid Aqsunqur Al Nassery, Kaherah	26
2.11 Kuil Hindu Akshardhamdi Delhi	27
2.12 Taj Mahal	27
2.13 Candi Borobudur di Kepulauan Jawa, Indonesia	28
2.14 Candi Angkor Wat di Angkor, Kemboja	28
2.15 Masjid Wadi Al Husein di Tolomano, Narathiwat, Thailand	28
2.23 Taman di Istana Alhambra	32
2.24 Taman Al Azhar, Kaherah	37
3.1 Pelan Pembahagian Kawasan di Putrajaya	48
3.2 Reka Bentuk Penyelidikan Kajian	52
4.1 Pelan Lokasi Kawasan Tumpuan dan Mercu Tanda di Putrajaya	93

4.2	Pelan Tasik dan Jambatan di Putrajaya (Sisi)	94
4.3	Pelan Presint (<i>District</i>) dan Sisi (<i>Edge</i>) di Putrajaya	94
4.4	Pelan Kawasan Guna Tanah Mengikut Fungsi (<i>District</i>)	95
4.5	Gaya kebanyakan bangunan yang membezakan Presint	96
4.6	Peta Laluan di Putrajaya (<i>Path</i>)	97
4.7	Imej 2 laluan akses ke Persiaran Perdana dari jalan Tuanku Abdul Rahman, Presint 2	98
4.8	Imej 2 simpang jalan di Presint 3	98
4.9	Imej 2 simpang di Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Presint 1	98
4.10	Imej 2 simpang di jalan Presint 18	98
4.11	Masjid Putra	102
4.12	Mahkamah	102
4.13	JAKIM	103
4.14	Lokasi Masjid Putra	104
4.15	Lokasi JAKIM dan Mahkamah	104
4.16	Jambatan Putra sebagai laluan akses ke Masjid	105
4.17	Fasad Jambatan Putra	105
4.18	Astaka Morocco	111
4.19	Dataran Putra	111
4.20	Lokasi Astaka Morocco	112
4.21	Laluan masuk ke Taman Botani	112
6.1	Faktor Tarikan Pengunjung: Imej Visual Identiti, Struktur dan Fungsi	143

SENARAI CARTA

Carta		Muka Surat
4.1	Maklumat Penyertaan Orang Awam	73
4.2	Maklumat Penyertaan Profesional	75
4.3	Elemen Reka Bentuk Bandar Islamik yang Menjadi Keutamaan Orang Awam	78
4.4	Identiti Reka Bentuk Bandar Putrajaya yang Menjadi Keutamaan (Persepsi Orang Awam)	80
4.5	Identiti Reka Bentuk Bandar Putrajaya yang Menjadi Keutamaan (Persepsi Profesional)	80
4.6	Imej Persekutaran Putrajaya (Persepsi Orang Awam)	82
4.7	Imej Persekutaran Putrajaya (Persepsi Profesional)	82
4.8	Tahap Nilai dan Budaya Islam di Putrajaya (Persepsi Orang Awam)	83
4.9	Tahap Nilai dan Budaya Islam di Putrajaya (Persepsi Profesional)	83
4.10	Faktor Ada /Tiada Nilai dan Budaya Islam	84
4.11	Gaya Seni Bina Bangunan Putrajaya	86
4.12	Gaya Reka Bentuk Bandar Putrajaya (Persepsi Orang Awam)	87
4.13	Gaya Reka Bentuk Bandar Putrajaya (Persepsi Profesional)	88
4.14	Kejelasan Identiti Reka Bentuk Bandar Putrajaya (Persepsi Orang Awam)	89
4.15	Kejelasan Identiti Reka Bentuk Bandar Putrajaya (Persepsi Profesional)	89
4.16	Elemen Keunikan Putrajaya (Persepsi Orang Awam)	90

4.17	Elemen Keunikan Putrajaya (Persepsi Profesional)	91
4.18	Perincian Elemen Keunikan dan Kurang Keunikan di Putrajaya (Persepsi Profesional)	91
4.19	Elemen Struktur Bandar Putrajaya	99
4.20	Kualiti Imej Visual Masjid Putra, Mahkamah dan JAKIM	103
4.21	Kejelasan Struktur Bangunan Masjid Putra, Mahkamah dan JAKIM	106
4.22	Tahap Kesukaan Terhadap Gaya Masjid Putra, Mahkamah dan JAKIM	106
4.23	Faktor Keutamaan dan Kurang Keutamaan terhadap Gaya Mahkamah dan JAKIM	107
4.24	Kualiti Imej Visual Astaka Moroco dan Dataran Putra	110
4.25	Kejelasan Struktur Astaka Moroco dan Dataran Putra	113
4.26	Tahap Keutamaan Terhadap Gaya Dataran Putra dan Astaka Moroco	114
4.27	Perbandingan Kualiti Imej Astaka Morocco dengan Taman Islamik Timur Tengah	114
4.28	Faktor Keutamaan dan Kurang Keutamaan terhadap Gaya Astaka Moroco	115

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
A	Borang Soalan Temu Bual Berdasarkan Gambar	161
B	Jawapan Temu Bual Profesional	173
C	Borang Soalan Kaji Selidik Orang Awan	207

SENARAI NAMA SINGKATAN

a.c.f.	<i>as cited from</i>
APA	<i>American Planning Association</i>
ASLA	<i>American Society of Landscape Architects</i>
BHEU	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
DOE	<i>Division of Education</i>
f	frekuensi
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPBD	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KKM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
KKLBW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPPK	Kementerian Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KPWM	Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat
M	Menara
PFDG	<i>Putrajaya Fencing Design Guideline</i>
PJH	Putrajaya Holdings
PICC	Putrajaya International Convention Centre
PPJ	Perbadanan Putrajaya
PPM	Pejabat Perdana Menteri
PPS	<i>Project for Public Space</i>
SOE	<i>Shorter Oxford English Dictionary</i>
SPM	Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini meneroka aspek imej visual identiti dan imej visual struktur reka bentuk bandar terutama yang berciri Islamik di Putrajaya berdasarkan persepsi orang awam dan profesional. Dalam konteks ini, imej bandar didefinisikan sebagai penataan fizikal bandar yang mempamerkan tamadun, kebudayaan, perkhidmatan dan kemajuan masyarakat sesebuah negara (JPBD, 2003). Reka bentuk berciri Islamik dilihat membentuk imej bandar di Malaysia yang bertujuan memberikan pengalaman visual yang menarik kepada orang awam yang mengguna atau melawat bandar tersebut. Oleh itu, Putrajaya dipilih sebagai kawasan kajian kerana berdasarkan pemerhatian, reka bentuk bandar berciri Islamik telah diterapkan di dalam reka bentuk bandarnya. Selain itu, kenyataan Putrajaya Holdings (2003) dalam bukunya bertajuk “Pembinaan Putrajaya, Perspektif Pemaju: 1995 – 2002, bawaha Putrajaya telah dirancang sebagai bandar Islamik.

Prinsip dan elemen reka bentuk bandar serta elemen kejelasan struktur bandar Islamik juga telah dikaji melalui tinjauan literatur bagi mengukur persepsi responden kajian dan melihat perbezaan struktur bandar Putrajaya dengan bandar Islamik. Oleh itu, kajian ini mengupas isu kejelasan imej visual identiti dan imej visual struktur bandar Putrajaya berdasarkan prinsip dan ciri alam bina Islamik menurut persepsi orang awam dan profesional. Imej visual yang membentuk identiti Putrajaya dinilai melalui imej reka bentuk bandar dan gaya reka bentuk bandarnya. Manakala imej visual kejelasan struktur bandar dinilai melalui elemen yang memberi keunikan kepada Putrajaya, mercu tanda dan tempat tumpuan terutama yang berciri Islamik, daerah, sisi dan jalan di Putrajaya. Kajian ini juga mengenal pasti elemen reka bentuk bandar Islamik yang disukai oleh orang awam untuk diterapkan di pusat bandar Putrajaya bagi mengetahui sejauh mana tahap pengetahuan, pendedahan dan kesukaan orang awam terhadap reka bentuk bandar Islamik di Putrajaya. Kajian ini turut mengambil kira gaya seni bina dan reka bentuk ruang awam yang disukai oleh masyarakat untuk diterapkan di Putrajaya.

Prinsip alam bina Islamik dikaji kerana ia merupakan prinsip terbaik yang mengatur hubungan antara manusia dengan tuhan, komuniti dan alam semesta (Omer, 2007; Burckhardt, 2009; Omer, 2012; Jamalinezhad et al., 2012; Habibshaikh, 2013; Al-Lahham, 2014). Imej visual yang membentuk identiti juga penting untuk dikaji walaupun menurut kajian (Saoud, 2002; El Diwani, 2005; Omer, 2010; Al Sayed, 2012; Ahmed, 2014), seni bina Islam lebih mengutamakan fungsi berbanding rupa bentuk suatu binaan. Ini kerana, menurut Lynch (1960), imej yang jelas bermaksud ciri visual yang mudah difahami, memudahkan pembentukan identiti, berstruktur

dan menggunakan elemen persekitaran. Kejelasan struktur bandar juga dikaji kerana menurut Lynch (1960), sebuah bandar mempunyai kualiti fizikal dan makna yang kuat apabila mempunyai imej yang jelas, struktur yang baik dan identiti yang tersendiri. Oleh itu, reka bentuk bandar yang menarik seharusnya dikaitkan dengan ciri persekitaran di atas untuk memastikan keharmonian imej, estetik dan fungsinya.

Penelitian mengenai semua aspek ini adalah perlu untuk mengelakkan kecelaruan imej bandar disebabkan para arkitek dan perancang bandar tidak memahami adakah imej yang dipaparkan memberi kesan estetik dan fungsi yang efektif kepada orang awam yang menggunakannya. Kajian ini penting untuk menilai sejauh mana imej visual identiti dan struktur bandar menyumbang kepada persekitaran yang unik, beridentiti tulin dan diutamakan oleh pengguna bandar. Persepsi orang awam dan pengguna penting dalam konteks alam bina (Salama, 2007; Rapoport, 2016) kerana ia boleh mentafsirkan imej visual yang diperkenalkan oleh pereka alam bina (Salama, 2007). Kajian ini juga perlu untuk membangunkan garis panduan perancangan dan reka bentuk bandar yang mempunyai identiti, nilai estetik dan mesra pengguna berdasarkan prinsip Islam yang tulin.

Topik kajian ini juga melengkapkan kajian lepas daripada penulis barat seperti (Borden & Dunster, 1995; Smith, 2007; Mark, 2009) yang menulis sejarah seni bina Greek dan Rom (abad ke 5M) hingga seni bina zaman pertengahan Eropah (abad ke 5-17), namun begitu, mengabaikan lebih dari 1400 tahun pencapaian seni bina Islamik (602-1924SM). Antaranya mengganggap susun atur bandar Islamik diadaptasi dari bandar barat seperti kenyataan (Abu Lughod, 2013). Begitu juga Lynch (1984) yang mengkaji struktur bandar telah menjadikan bandar purba barat seperti Mesopotamia dan Greek sebagai rujukan bandar yang mempunyai struktur yang jelas. Sebaliknya sejarah telah membuktikan bahawa bandar purba barat telah mengadaptasi struktur tersebut dari bandar Islamik. Oleh itu tesis ini mengkaji sejarah perancangan dan seni bina Islamik bagi membuktikan reka bentuk bandar barat diadaptasi dari reka bentuk bandar Islamik. Tafsiran dalam kajian Lynch (1960) terhadap elemen mercu tanda dan tempat tumpuan dalam menganalisis kejelasan imej bandar pula kurang mengaitkan kedua elemen tersebut dengan faktor budaya tetapi lebih kepada elemen yang menarik perhatian dan mempunyai identiti berbeza.

Kajian ini juga melengkapkan kajian lepas daripada penulis tempatan. Antaranya kajian Lynch ini telah diadaptasi oleh Ismail et al. (2008) dalam menganalisis identiti Putrajaya melalui kejelasan elemen struktur bandarnya menerusi persepsi masyarakat. Kajian mereka juga tidak mengaitkan mercu tanda dan tempat tumpuan dengan identiti budaya sebagai faktor kejelasan imej yang memberikan identiti bandar. Identiti budaya sepatutnya merupakan faktor utama yang mempengaruhi penampilan identiti sesebuah bandar yang melambangkan identiti bangsa. Kajian identiti mereka juga tidak mengambil kira penilaian imej visual persekitaran Putrajaya, kejelasan struktur bangunan dan ruang awam berciri Islamik di Putrajaya,

tidak membandingkan struktur bandar Putrajaya dengan struktur bandar Islamik dan persepsi profesional. Oleh itu, tesis ini menilai aspek tersebut menerusi persepsi orang awam dan profesional. Selain itu, dalam konteks alam bina, Mohidin et al. (2012) membincangkan tentang gaya seni bina bangunan pentadbiran di Malaysia termasuk Putrajaya. Zen (2005) mengkaji seni bina dan reka bentuk bandar berciri Islamik di Putrajaya yang telah dipengaruhi oleh reka bentuk asing. Bagaimanapun kajian mereka tidak melibatkan kesan kepelbagaiannya gaya seni bina terhadap pengguna dan reka bentuk bandar termasuk berciri Islamik yang menjadi keutamaan di Putrajaya. Oleh itu, tesis ini menilai aspek tersebut menerusi persepsi orang awam dan profesional.

1.2 Pernyataan Masalah

1.2.1 Ketidak Jelasan Prinsip Alam Bina Islamik Mengurangkan Pembangunan Alam Bina Islamik

Pengaruh budaya barat di negara Timur menyebabkan kurangnya kepekaan terhadap ilmu setempat yang diwarisi (Mursib & Rasdi, 2016). Ini menyebabkan kekurangan rujukan mengenai prinsip dan gambaran fizikal alam bina Islamik. Kajian Desilver (2013) menunjukkan Timur Tengah hingga Afrika Utara merupakan kawasan penduduk Islam terbesar di dunia dengan 93% daripada kira-kira 341 juta penduduknya beragama Islam. Oleh itu ianya lebih banyak diadaptasi di negara Timur Tengah. Bagaimanapun, kualiti reka bentuk bandar Islamik yang setanding dengan yang terkenal pada zaman lalu telah semakin kurang dibangunkan. Contohnya Al Hambra di Sepanyol, *Generelife Garden* di Parsi, Hunt (2014) lorong awam seperti Khan al Kahlili di Kaherah dan sebagainya.

Reka bentuk bandar Islamik juga kurang dibangunkan di Asia Tenggara termasuklah di Malaysia. Menurut (Utaberta & Rasdi, 2013) di Nusantara khususnya di Malaysia, dokumentasi tentang prinsip seni bina Islamik tidak banyak ditemui. Ini mengurangkan pembangunan seni bina Islam di Malaysia terutama yang sesuai dengan persekitaran sosial, budaya dan politiknya. Putrajaya sebagai pusat pentadbiran dan mewakili Malaysia sebagai negara Islam, amat kurang konsep bandar Islamik diterapkan seperti elemen perbandarannya yang tiada konsep keseimbangan, pemuatan dan penyatuhan.

Kesan kekurangan rujukan ini menyebabkan kurangnya kefahaman dan penghayatan terhadap alam bina Islamik, tiada kata sepakat yang jelas diantara kebanyakannya pengkaji alam bina Islamik mengenai identiti bandar Islamik yang sebenar (Utaberta & Rasdi, 2013) dan kurangnya perhatian terhadap ciri dan kualiti sebenar alam bina Islamik (Omer, 2008). Ini kerana kebanyakannya penulis tidak membuat kajian bagaimana kaedah prinsip alam bina Islamik dibangunkan pada masa dahulu.

Contohnya, kekurangan rujukan sejarah dan prinsip taman Islamik mengurangkan fungsi dan kesannya terhadap manusia dan persekitaran (Parodi, 2010).

1.2.2 Integrasi Struktur Bandar Barat, Melemahkan Kualiti Visual Identiti dan Struktur Bandar Islamik

Masalah kontemporari alam bina kini adalah pengaruh pemikiran modenisme yang bermaksud pembaratan (Yilmaz, 2014) Menurut kajian (Mursib & Rasdi, 2016), ia berpunca daripada tanggapan bahawa tamadun barat lebih unggul dari tamadun Timur. Sejak awal abad ke-20, bandar tradisional Islamik telah mengintegrasikan bandar moden (Mollaie & Rashedi, 2012; Al-Lahham, 2014). Bandar pasca moden mewujudkan ruang yang tidak berterusan, berpecah-belah dan bandar 'alternatif' yang terasing (Velibeyoğlu, 1999). Ini kerana konsep barat menolak prinsip pemusatkan (Borden & Dunster, 1995; Alshuwaikhat, 1999), tetapi mengadaptasi konsep grid dan hirarki ringkas (Tibbalds, 2006). Kesan integrasi konsep barat di Timur Tengah ini telah menyebabkan krisis identiti dalam alam bina dan gaya seni bina (Mollaie & Rashedi, 2012; Al-Lahham, 2014) dan menjelaskan kestabilan bentuk serta fungsi bandar tradisional Islamik (Mollaie & Rashedi, 2012; Al-Lahham, 2014). Contohnya ketidak seimbangan akses dan kemudahan awam, (Borden & Dunster, 1995; Alshuwaikhat, 1999; Al-Lahham, 2014) serta kurang kesinambungan bentuk bandar (Mollaie & Rashedi, 2012).

Menurut Putrajaya Holdings (2003), Putrajaya yang dibangunkan pada tahun 1995, telah dirancang sebagai bandar Islamik. Bagaimanapun, falsafah perancangannya yang menjaga hubungan antara pencipta, manusia dan alam sekitar kurang jelas apabila ia turut mengintegrasikan konsep barat kesan dari modenisasi iaitu konsep Bandar Taman (*Garden City*) (RDA Harris Architects, 1998; Putrajaya Holdings, 2003; Arkitek Jururancang, 2008; AJM Planning & Urban Design Group, 2012). Konsep ini mula dibangunkan oleh Ebenezer Howard dari British pada 1982 (Feferman, 2012). Integrasi konsep Islam dan barat ini mewujudkan kecelaruan identitinya sebagai bandar Islamik. Salah satu prinsip Bandar Taman adalah pembangunan sendiri yang bermaksud pengasingan pembangunan setiap Presintnya (RDA Harris Architects, 1998). Kesannya adalah pembangunan kemudahan awam dan komersil di setiap Presintnya tidak seimbang sama ada dari segi lokasi maupun kuantiti.

1.2.3 Campur Aduk Identiti, Menjejaskan Identiti Seni Bina Islamik

Sejak awal abad ke-20, tradisi reka bentuk alam bina di bandar Islam yang stabil telah dipengaruhi oleh kemodenan dan kapitalisme yang mewujudkan krisis identiti dalam gaya seni bina (Al-Lahham, 2014). Meminjam elemen daripada budaya lain adalah satu fenomena global (Salama, 2014). Hasan Fathy menyatakan kebanyakan pendidikan seni bina sekarang tidak memberikan pendidikan tentang pelbagai gaya seni bina dari awal sejarah hingga kini. Oleh itu, arkitek sering menukar dan meniru

gaya seni bina bangunan bersejarah (Al Sayyed, 2012; Salama, 2014) tanpa memahami kualiti imej, makna dan nilai yang terkandung (Sidawi, 2013; Salama, 2014). Kebanyakan seni bina moden, telah membentarkan peranan simbol dalam seni bina tetapi kurang memberi maklum balas kepada keperluan emosi dan budaya masyarakatnya (Salama, 2007).

Menurut kajian (Utaberta & Rasdi, 2013), identiti seni bina Islamik yang benar sepatutnya mencerminkan budaya dan identiti masyarakat setempat. Bagaimanapun, Masjid Putra di Putrajaya lebih mengutamakan hiasan seni bina Islamik Timur Tengah daripada fungsinya dan tidak menampilkan identiti nasional. Kurang jelas tafsiran seni bina Islamik mewujudkan kecelaruan identiti. Contohnya bangunan Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya yang menggabungkan pelbagai identiti. Antaranya bumbung meniru bumbung seni bina Melayu (PJH, 2001). Kubah dan *arch* menonjolkan gaya Islamik Timur Tengah. Manakala fasadnya meniru gaya seni bina Rom (Mohidin et al., 2012). Kesannya ia dilihat tiada identiti tersendiri yang melambangkan identiti nasional (Utaberta & Rasdi, 2013).

Gabungan seni bina Islamik dengan pelbagai gaya seni bina asing menjelaskan identiti seni bina Islam (Omer, 2008), tidak memberikan fungsi sama ada sebagai penyampaian mesej Islam ataupun mencerminkan budaya Islam. Sebaliknya dianggap penghinaan terhadap tradisi Islam, Al Sayyed (2012) selain menanggalkannya dari konteks nilai dan sejarahnya (Sidawi, 2013). Menurut kajian Tran (2010), konsep percampuran identiti terhadap bangunan bernilai sejarah dan budaya mewujudkan identiti seni bina yang tidak ketara, tidak stabil, lemah, tiada keunikan, imej yang kabur atau tidak jelas dan ilusi alam bina yang mengelirukan.

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk meningkatkan kualiti imej visual identiti, struktur dan nilai estetika bandar berciri Islamik di Putrajaya, Malaysia berdasarkan persepsi orang awam dan profesional.

1.4 Soalan Kajian

Persoalan yang timbul dari permasalahan yang diutarakan di dalam kajian ini adalah:

- i. Apakah elemen reka bentuk bandar Islamik dan identiti reka bentuk bandar di Putrajaya yang menjadi keutamaan orang awam dan profesional?
- ii. Adakah imej visual identiti dan imej visual struktur bandar di Putrajaya jelas (*legible*) kepada pengguna?

- iii. Adakah imej visual identiti dan imej visual struktur bangunan dan ruang awam berciri Islamik di Putrajaya jelas (*legible*) kepada pengguna?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Mengenal pasti elemen reka bentuk bandar berciri Islamik dan identiti reka bentuk bandar di Putrajaya yang menjadi keutamaan orang awam dan profesional.
- ii. Menganalisis imej visual identiti dan imej visual struktur bandar (*legibility*) Putrajaya menerusi persepsi orang awam dan profesional.
- iii. Menilai imej visual identiti dan imej visual struktur (*legibility*) bangunan dan ruang awam berciri Islamik di Putrajaya menerusi persepsi orang awam dan profesional.

1.6 Andaian Kajian

Kajian ini mengandaikan bahawa :

- i. Kualiti imej visual dan identiti reka bentuk bandar Islamik yang jelas dicerminkan melalui prinsip reka bentuk bandar Islam, keaslian reka bentuk tradisional dan identiti yang unik.
- ii. Gabungan pelbagai identiti pada fasad sesebuah bangunan mewujudkan keceliaran identiti, manakala kepelbagaiannya identiti seni bina di sesebuah bandar tanpa memfokuskan satu identiti yang kuat juga akan melemahkan identiti sebuah bandar.
- iii. Struktur bandar yang jelas (*legibility*) dapat dicerminkan melalui struktur bandar Islamik.

1.7 Skop dan Limitasi Kajian

Spesifikasi skop dan limitasi utama kajian ini adalah seperti berikut :

- i. Kajian ini membincangkan elemen imej visual reka bentuk bandar yang memberikan identiti kepada Putrajaya yang dikenal pasti oleh responden. Oleh itu kajian teori merangkumi pelbagai gaya seni bina yang dijadikan pengukur kepada kejelasan identiti pusat bandar Putrajaya.

- ii. Kajian ini membincangkan elemen reka bentuk bandar Islamik dan identiti reka bentuk bandar yang menjadi keutamaan masyarakat menerusi pengenal pastian responden. Oleh itu kajian teori merangkumi prinsip dan elemen reka bentuk bandar Islamik tradisional dan moden yang dijadikan pengukur kepada keutamaan responden di pusat bandar Putrajaya.
- iii. Kajian ini membincangkan elemen yang membezakan Putrajaya dan kejelasan elemen struktur bandarnya seperti laluan, sisi, daerah, tumpuan dan mercu tanda menerusi penilaian responden. Oleh itu kajian teori merangkumi teori kejelasan struktur bandar.
- iv. Kajian ini membincangkan kualiti imej visual dan kejelasan struktur (*legibility*) bangunan dan ruang awam berciri Islamik di Putrajaya menerusi penilaian responden. Oleh itu kajian teori merangkumi teori imej visual dan teori kejelasan struktur bandar.
- v. Saiz sampel bagi orang awam adalah dihadkan kepada pengguna di kawasan Putrajaya. Manakala bagi profesional melibatkan pengguna di kawasan Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor.
- vi. Sempadan kajian tapak adalah di bandar Putrajaya seperti yang diterangkan dalam Bab 3, Kawasan Kajian (ms 45 dan 46).

1.8 Metodologi Kajian

Kajian ini mengenal pasti ciri reka bentuk bandar Islamik dan identiti reka bentuk bandar yang menjadi keutamaan di Putrajaya dan menganalisis serta menilai imej visual identiti dan imej visual struktur bandar, bangunan dan ruang awam berciri Islamik berdasarkan maklum balas orang awam dan profesional. Oleh itu kajian kes tunggal dipilih sebagai strategi penyelidikan untuk menyelidik fenomena gabungan pelbagai identiti dan kejelasan struktur bandar di kawasan yang telah dikenal pasti. Ini kerana kebolehan kajian kes mengurus data yang berganda adalah kaedah yang sesuai untuk menyelidik dan memastikan formula yang baik seperti yang dipersetujui oleh (Yin, 1994). Selain itu kajian kes dipilih kerana keunikannya dalam memberikan maklumat, dari segi individu dan kumpulan, untuk strategi penyelidikan dalam saikologi, sosiologi dan perancangan (Yin, 1993). Berikut itu, dalam kajian ini, strategi kaedah campuran (*mixed method*) diaplikasi untuk menjawab soalan kajian yang mengandungi :

- i. Pemerhatian tapak (*field observation*) bertujuan untuk mengenal pasti ciri reka bentuk bandar, elemen seni bina dan taman serta kejelasan struktur reka bentuk bandar, bangunan dan ruang awam berciri Islamik di Putrajaya.

- ii. Pengumpulan data utama melalui soalan kaji selidik terhadap orang awam dan temu bual berdasarkan gambar terhadap profesional bagi mencapai objektif dan menyelesaikan isu serta masalah kajian.
- iii. Pengumpulan data sekunder melalui tinjauan literature sejarah bagi mengenal pasti prinsip dan elemen reka bentuk bandar Islamik, gaya seni bina Islamik, gaya seni bina di Malaysia yang merangkumi gaya Nusantara, barat dan moden serta teori elemen kejelasan struktur bandar.

Data yang diperolehi daripada soalan kaji selidik dan kaedah temubual berdasarkan gambar dianalisis menggunakan *Statistical Product And Service Solutions* (SPSS) version 15.0 dan *Microsoft Excel*. Kemudian hasilnya disahkan oleh data pemerhatian tapak. Kaedah ini akan dibincangkan dalam Bab 3 : Metodologi Penyelidikan.

1.9 Kepentingan Kajian

